



UCAPAN RINGKAS
YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
TAHUN BAHARU CINA 2021

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Ni Hao dan
Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Pada hari yang sungguh berbahagia ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya bersama isteri tercinta serta keluarga, mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua masyarakat kaum Cina khususnya di Melaka.

Sebagaimana lazimnya, perayaan Tahun Baharu Cina ini sentiasa dinanti-nantikan bukan sahaja oleh masyarakat Cina, namun, semua lapisan masyarakat berbilang kaum di Malaysia juga sama-sama ingin memeriahkan sambutan perayaan ini.

Saya akui, sebelum ini, seperti mana-mana perayaan lain di Malaysia, kita semua berpeluang untuk bercuti, pulang ke kampung masing-masing, menghadiri majlis-majlis rumah terbuka dan banyak lagi aktiviti sosial dapat dijalankan untuk menyambut perayaan sebegini.

Namun, akibat pandemik COVID-19 yang masih berleluasa, Kerajaan telah menetapkan untuk kembali melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) demi memutuskan rantaian wabak ini.

Justeru, kita hanya boleh menyambut perayaan ini di rumah masing-masing, dengan mengamalkan norma baharu serta Prosedur Operasi Standard atau SOP yang telah dikuatkuasakan.

Apapun, kita perlulah menerima ketentuan ini dan sentiasa bersyukur dengan nikmat yang masih dapat kita, sebagai rakyat Malaysia kecapi di negara ini, walaupun kita sedang menghadapi ketidaktentuan dari segi prestasi kesihatan, bencana alam dan ekonomi.

Kita patut bersyukur kerana pertamanya, Malaysia pada hari ini adalah negara yang aman dan rakyat dapat hidup dengan harmoni antara satu sama lain. Ini sebenarnya merupakan kemenangan besar untuk setiap warganegara Malaysia, walaupun kita berlainan kaum ataupun agama. Ini juga adalah satu rahmat yang mungkin kita tidak sedar. Percayalah, Malaysia tidak akan maju, aman dan tenang seperti sekarang jika terdapat konflik perkauman yang berpanjangan.

Keduanya, tidak dapat dinafikan, kaum Cina juga telah memberi sumbangan besar terhadap kebudayaan, masyarakat dan

ekonomi Malaysia. Hasil daripada kerja keras dan pengorbanan masyarakat Cina dapat dilihat di setiap bahagian negara kita,

Akhir sekali, saya berharap, dengan menjelangnya hari gembira ini, masyarakat Cina khususnya, dapat menyambut perayaan ini secara bersederhana bersama keluarga tercinta. Saya dan isteri juga mendoakan agar Tahun Lembu ini akan membawa perubahan, kebahagiaan, kegembiraan dan kesihatan yang baik untuk kita semua. Sekian, Gong Xi Fa Cai, Xin Nian Kuai Le, Selamat Tahun Baharu Cina!

#TokLeman

#KawalanDiri

#MelakaMestiMenangCOVID19

#MelakakuMajuJayaRakyatBahagiaMenggamitDunia

Sekian,

Terima kasih.

-TAMAT-